

Tak benar mata2 pelajaran di Sabah dan Semenanjung

Malaysia berlainan

U.M. - 8 APR 1975

D.R. Mahathir Mohamed menegaskan, adalah tidak benar bahawa matapelajaran-mata pelajaran di sekolah-sekolah di Semenanjung Malaysia dan di Sabah itu berlainan kerana kurikulum dan sukatan pelajaran yang digunakan itu adalah sama.

Dalam jawapan bertulis kepada soalan Encik Mohd. Salleh bin Datuk Panglima Abdullah [BN-Silam], Menteri Pelajaran menarik perhatian bahawa di Sabah, sistem pelajaran "Comprehensive" belum lagi dikuatkuasa dengan sepenuhnya.

Oleh itu beberapa mata pelajaran pilihan seperti seni perusahaan sains pertanian dan perdagangan adalah terhadap pengajarannya kepada sekolah-sekolah tertentu.

"Soal tinggi rendah mutu pelajaran tidak timbul kerana ini adalah pertimbangan nisbi atau relative", tegas beliau.

Menteri itu menambah, rancangan-rancangan telah dan sedang dibuat untuk memperbaiki matapelajaran di Negeri Sabah termasuk memperbaiki latihan perguruan, kursus, rancangan khutubkhanah, rancangan sains dan hisab, rancangan radio/TV dan sebagainya.

Menjawab soalan lain dari ahli yang sama beliau berkata, kekurangan guru-guru terlatih sebenarnya bukan hanya berlaku di Sabah akan tetapi di seluruh Malaysia.

Menjawab soalan dari Encik Ting Ling Klew

KUALA LUMPUR
7 APRIL

[SNAP Bintulu], Menteri Pelajaran memberi pengakuan bahawa akibat berlakunya kejadian kebucuran kertas-kertas soalan pada tahun 1974, aspek keselamatan dalam pengelolaan peperiksaan di kementeriannya telah dikaji semula secara menyeluruh.

Ini bertujuan supaya langkah-langkah yang berkesan dapat diambil untuk memastikan kejadian kebucuran itu tidak akan berulang lagi pada masa hadapan.

Di peringkat Jabatan Pelajaran Negeri juga pentadbiran bahagian peperiksaannya telah dan sedang diperkemas dengan sewajarnya.

Tindakan juga telah diambil untuk berunding dengan Lembaga Peperiksaan Tempatan Universiti Cambridge dan pencetak-pencetak yang berkénan di luar negeri untuk meminta badan-badan tersebut memperketatkan lagi langkah-langkah keselamatan berhubung dengan pengelolaan peperiksaan.